

# Pengajaran bahasa Kadazandusun perlu diperluaskan ke Labuan: Maximus

NST 14.5.2015 4

OLEH MARRYAN RAZAN  
marryan@newsabah-times.com.my

**LABUAN:** Pengajaran bahasa Kadazandusun yang telah dilaksanakan sejak 1997 perlu diperluaskan bukan sekadar dalam tutorial secara sambilan kepada masyarakat itu tetapi juga di sekolah-sekolah di mana terdapat murid berketurunan Kadazandusun.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr Maximus Johnnity Ongkili berkata usaha permulaan Persatuan Kebudayaan Kadazandusun (KDCA) Labuan mengadakan tutorial sambilan kepada masyarakat Kadazandusun perlu diperluaskan dengan memanfaatkan sumbangan tenaga pengajar sukarela yang ada.

"Usaha bersama dengan tenaga sukarela dari Universiti Malaysia Sabah (UMS)

yang sudah dimulakan untuk menjalankan tutorial perlu diperluaskan lagi," katanya ketika merasmikan Pesta Kaa-matan Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan pada Ahad.

Turut hadir Ketua Bahagian Parti Bersatu Sabah (PBS) Labuan, Datuk Peter Mak dan Ketua Bahagian Upko Labuan, Ronald James Ma-jaing.

Terdahulu itu Pengurusi Penganjur, Clement Tiansun berkata pihak KDCA di pulau itu telah melaksanakan pelbagai program berbentuk warisan, tradisi dan budaya termasuk kelas bahasa Kadazandusun kepada sekumpulan murid di Kg Tambunan Baru, Rancha-Rancha Darat dengan sumbangan tenaga pengajar sukarela dari UMS Kampus Antarabangsa Labuan.

Pengerusi KDCA Labuan, Paul Ipoh Leokin menyokong penuh perancangan pihak Ahli Parlimen Labuan, Datuk

Rozman Isli untuk membuka satu tapak khusus sebagai perkampungan budaya bagi memusatkan pelaksanaan aktiviti, perayaan dan pameran yang boleh memberi nilai tambah kepada kepentingan Labuan sebagai satu destinasi penting kepada para pelawat.

Sementara itu Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Mistrine Radin berkata pihaknya pernah mengambil langkah memulakan pengajaran bahasa Kadazandusun di sebuah sekolah rendah di sini suatu ketika dahulu tetapi tertangguh ekoran kesukaran mendapatkan guru terlatih.

Terdapat tiga buah sekolah rendah di Labuan yang berpotensi memulakan pengajaran bahasa Kadazandusun berdasarkan bilangan murid etnik itu di sekolah berkenaan iaitu di SRK St. Anne, SK Pekan Dua dan SK Rancha-Rancha.



BERUCAP ... Maximus ketika berucap bersama Ipoh (kiri) dan Clement (kanan)



KETAM PADI ... (Dari kanan) Clement, Maximus, Ipoh, Rozman dan John ketika upacara mengetam padi.